

NO. SOALAN: 41

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWANRAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO
[BATU KAWAN]**

TARIKH : 6 NOVEMBER 2014 (Khamis)

SOALAN :

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan] minta PERDANA MENTERI menyatakan mengapa inkues tidak dikendalikan dalam semua kes kematian dalam tahanan polis walaupun Seksyen 334 Kanun Prosedur Jenayah dan Arahan Amalan No. 1/2007 daripada Hakim Besar Malaya jelas menyatakan bahawa inkues adalah wajib dalam keadaan sedemikian.

JAWAPAN: YB PUAN HAJAH NANCY SHUKRI,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Jemaah Menteri telah bersetuju dengan cadangan penubuhan Mahkamah Khas Koroner secara tetap di setiap negeri di Malaysia dan Koroner di setiap Mahkamah.
2. Mahkamah Khas Koroner mula beroperasi di setiap ibu negeri di Malaysia pada 15 April 2014. Mahkamah ini menjalankan semua siasatan kematian bukan sahaja terhadap kematian di dalam tahanan polis, kematian dalam penjara, kematian di mana-mana pusat tahanan dan kematian orang tahanan di hospital tetapi juga kepada semua kes-kes kematian yang memerlukan satu siasatan dibuat menurut Seksyen 329(1) Kanun Tatacara Jenayah. Mahkamah ini juga mengendalikan kes-kes Laporan Mati Mengejut.
3. Seksyen 334 Kanun Tatacara Jenayah memperuntukkan seperti berikut :

***Inquiry into cause of death of a person in custody of police
or in any asylum***

*When any person dies while in the custody of the police or in a
mental hospital or prison, the officer who had the custody of that
person or was in charge of that mental hospital or prison, as the
case may be, shall immediately give intimation of such death to*

the nearest Magistrate, and the Magistrate or some other Magistrate shall, in the case of a death in the custody of the police, and in other cases may, if he thinks expedient, hold an inquiry into the cause of death.

4. Arahan Amalan Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia 2/2014 [Pengendalian Siasatan Kematian (*Death Inquiry*)] telah dikeluarkan pada 8 April 2014 juga memperuntukkan perkara yang sama.
5. Seperti mana dimaklumi, tujuan sesuatu inkues dilaksanakan adalah untuk mengetahui perkara-perkara berikut :
 - (a) *who the deceased was;*
 - (b) *how, when and where the deceased came by his death;*
 - (c) *particulars for the time being required by the Registration Act to be registered concerning the death of persons;*
 - (d) *the person(s) who carried out the act(s) or omission(s), causing the death, where such evidence is available, without however making any finding on the criminal liability of such persons.*
6. Daripada prinsip yang dinyatakan di atas, adalah jelas tujuan utama inkues itu dijalankan adalah untuk mengetahui punca kematian bagi kematian yang tidak diketahui puncanya.

7. Data statistik yang diperolehi daripada Mahkamah Khas Koroner dari bulan April 2014 sehingga September 2014 menunjukkan bahawa setiap kematian di dalam tahanan polis (yang mana punca kematian tidak diketahui) telah diarahkan oleh Koroner untuk dijalankan inkues selaras dengan peruntukan undang-undang yang berkenaan.

8. Untuk makluman lanjut Yang Berhormat, selain daripada Seksyen 334 yang memberikan kuasa kepada Koroner untuk menjalankan inkuiri / inkues, Seksyen 339 Kanun Tatacara Jenayah pula memberi kuasa kepada Pendakwa Raya untuk mengarahkan Majistret / Koroner supaya mengadakan inkuiri / inkues terhadap kematian seperti yang diperuntukkan oleh Seksyen 329 dan 334 Kanun yang sama.

9. Oleh yang demikian, bagi kes-kes yang mana tidak diarahkan inkues untuk dijalankan oleh Koroner tetapi pada pandangan pihak Pendakwa Raya bahawa suatu inkues patut dijalankan ke atas suatu kematian tersebut, maka Koroner hendaklah menjalankan inkues ke atas kematian tersebut.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN HEE LOY SIAN
[PETALING JAYA SELATAN]**

TARIKH : 6 NOVEMBER 2014 (KHAMIS)

SOALAN : 42

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan] minta **MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan :-**

- (a) siasatan terkini tragedi MH370 dan MH17 serta pihak yang bertanggungjawab sehingga menyebabkan pesawat MH17 terhempas; dan
- (b) jumlah pampasan yang dibayar bagi setiap mangsa daripada tragedi MH370 dan MH17.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penyiasatan ke atas pesawat MH370 berjalan mengikut jadual.

Manakala bagi siasatan insiden pesawat MH17, Siasatan jenayah sedang dikendalikan secara berasingan oleh negara seperti Malaysia, Australia, Ukraine dan Belanda yang mempunyai penumpang di atas pesawat MH17. Malaysia telah pun bekerjasama dengan *Organization for Security and Co-operation in Europe (OSCE)*.

Berdasarkan maklumat yang ada setakat ini, kepastian yang ada hanyalah bahawa pesawat MH17 telah dijatuhkan oleh suatu sistem peluru berpandu (*missile system*). Namun, pihak yang telah menembak peluru berpandu itu masih perlu dibuktikan melampaui keraguan munasabah (*beyond reasonable doubt*) dan perkara itu masih dalam siasatan. Pada hakikatnya, bukti yang diperlukan masih berada di Ukraine, di mana ia termasuk bangkai naas pesawat tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah penuh dan akhir pampasan (*full and final compensation*) yang patut diterima oleh keluarga mangsa adalah bergantung kepada pembuktian kerugian (*subject to proof of loss*) yang unik bagi setiap penumpang. Pembuktian kerugian ini akan dinilai mengikut prinsip undang undang dan tertakluk kepada Konvensyen Montreal 1999 (*Montreal Convention*). Namun begitu, MAS telah menawarkan wang pendahuluan pampasan berjumlah USD50,000 kepada waris setiap penumpang MH17 dan MH370.